

01 MAY 1997

PM BERLEPAS UNTUK LAWATAN KE TIGA NEGARA AFRIKA (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Aziz Shah di Subang untuk lawatan rasmi seminggu ke tiga negara Afrika.

Yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed serta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam.

Ketua Setiausaha Negara Datuk Halim Ali dan beberapa timbalan menteri dan setiausaha parlimen turut hadir.

Destinasi pertama Dr Mahathir dan delegasinya yang termasuk Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie serta beberapa tokoh korporat, ialah Malawi. Hubungan perdagangan antara kedua-dua negara tahun lepas mencecah RM2.55 juta.

Perdana Menteri dan rombongan kemudiannya akan ke Botswana, yang mempunyai jumlah dagangan dengan Malaysia sebanyak RM1.35 juta tahun lepas.

Dr Mahathir kemudiannya melawat Afrika Selatan dan dijadual menerima anugerah tertinggi negara itu "Order of Good Hope" daripada Presiden Nelson Mandela.-- BERNAMA

AH MAI